



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2 – SESSION 2017/2018
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDPW 2143/ DDW2263
KOD KURSUS

COURSE NAME : BUSINESS LAW / UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : 2 DDPW
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES
TEMPOH

DATE : APRIL 2018
TARIKH

INSTRUCTIONS
ARAHAN

1. Students may refer to the relevant Acts.
(Pelajar dibenarkan merujuk kepada Akta yang berkaitan)
2. Please refer to specific instructions inside.
(Sila rujuk kepada arahan terperinci di bahagian dalam kertas soalan).
3. Answer all questions in the answer booklet provided.
(Sila jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan).

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

| | | |
|---|---|-------|
| NAME / NAMA PELAJAR | : | |
| I.C NO. / NO. K/PENGENALAN | : | |
| YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS | : | |
| COLLEGE NAME NAMA KOLEJ | : | |
| LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH | : | |

This examination paper consists of **11** pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi **11** muka surat termasuk kulit hadapan



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya. Senjat boleh mengambil tindakan dari mana-mana mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
 - 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

SECTION A: Answer ALL of the following questions (10 marks/markah)
(Bahagian A: Jawab SEMUA soalan-soalan berikut)

Q1. Sources of unwritten law comprise of:

[Sumber undang-undang tidak bertulis terdiri daripada:]

- a. Islamic law, subsidiary legislation, legislation
[Undang-undang Islam, perundangan kecil, perundangan]
- b. Constitutions, English law, judicial decisions, Islamic law
[Perlembagaan, undang-undang Inggeris, keputusan kehakiman, undang-undang Islam]
- c. Legislation, subsidiary legislation, customary law
[Perundangan, perundang kecil, undang-undang adat]
- d. Islamic law, English law, customary law and judicial decisions
[Undang-Undang Islam, undang-undang Inggeris, undang-undang adat dan keputusan kehakiman]

Q2. Which of the following is NOT part of the legislative process?

[Apakah proses berikut yang BUKAN sebahagian dari proses legislatif (perundangan?)]

- a. Third Reading
[Bacaan Ketiga]
- b. Fourth Reading
[Bacaan Keempat]
- c. Committee Stage
[Peringkat Jawatankuasa]
- d. Royal Assent
[Pekanan di Raja]

- Q3. A contract may be discharged in any of the following way, EXCEPT:
[Sesebuah kontrak dilepaskan dalam mana-mana keadaan berikut KECUALI:]
- a. injunction.
[injunksij]
 - b. performance.
[perlaksanaan]
 - c. frustration
[kekecewaan]
 - d. perjanjian
[agreement]
- Q4. Malaysia practices Parliamentary democracy. Which of the following statement is true?
[Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen. Manakah kenyataan yang betul di bawah ini?]
- a. The highest court in Malaysia is the Dewan Negara
[Mahkamah tertinggi di Malaysia adalah Dewan Negara]
 - b. Parliament can pass an Act of Parliament to override the decision of the Session Court only.
[Parlimen boleh meluluskan sesuatu Akta Parlimen untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Sesyen sahaja.]
 - c. The Malaysian Parliament is made up of the Dewan Rakyat and Dewan Negara.
[Parlimen Malaysia terdiri dari Dewan Rakyat dan Dewan Negara.]
 - d. Dewan Rakyat can override the decision of the Cabinet.
[Dewan Rakyat boleh mengetepikan keputusan Kabinet.]
- Q5. The _____ has jurisdiction to determine the validity of any law made by Parliament and disputes between States.

[.....mempunyai bidang kuasa untuk menentukan kesahihan apa-apa undang yang digubal oleh Parlimen dan menyelesaikan pertelingkahan di antara Negeri-Negeri.]

- a. Session Court
[Mahkamah Sesyen]
- b. Court of Appeal
[Mahkamah Rayuan]
- c. Syariah Court
[Mahkamah Syariah]
- d. Federal Court
[Mahkamah Persekutuan]

Q6. The following are remedies available in contract EXCEPT:

[Berikut adalah remedy-remedi yang ada dalam kontrak KECUALI:]

- a. compensation
[gantirugi]
- b. ratification
[ratifikasi]
- c. injunction
[injunksi]
- d. specific performance
[perlaksanaan spesifik]

Q7. Which of the following are NOT goods under the Sales of Goods Act 1957? :
[Yang manakah antara barangan-barangan berikut BUKAN barangan di bawah Akta Jualan Barangan 1957?:]

- a. A piece of land
[Sebidang tanah]
- b. Bank Simpanan Nasional premium certificate
[Sijil premium Bank Simpanan Nasional]
- c. Antique coins
[Duit syiling lama]
- d. Bas
[Bus]
- e. Shares
[Saham-saham]

Q8. Under the law of contract, if there is no certainty in the terms of contract, such contract is:
[Di bawah undang-undang kontrak, jika tiada ketentuan dalam terma-terma kontrak, kontrak itu:]

- a. valid
[sah]
- b. allows the party to claim damages only.
[membenarkan pihak untuk menuntut ganti rugi sahaja.]
- c. void
[batal]
- d. enforceable.
[boleh dikuatkuasakan.]

Q9. The following contracts of insurance are contracts of indemnity except for :

[Kontrak-kontrak insuran berikut adalah kontrak-kontrak tanggung rugi, kecuali:]

- a. *life insurance.*
[insuran nyawa.]
- b. *fire insurance.*
[insuran kebakaran.]
- c. *motor vehicle insurance*
[insuran kenderaan bermotor]
- d. *theft insurance.*
[insuran kecurian.]

Q10. Under the Hire Purchase Act 1967, which one of the following is not one of the hirer's rights?

[Yang manakah antara perkara-perkara berikut bukan termasuk hak seorang penyewa di bawah Akta Sewa Beli 1967?]

- a. *To be supplied with the relevant documents and information.*
[Untuk dibekalkan dengan dokumen dan maklumat berkaitan]
- b. *To complete the purchase earlier than the due date.*
[Untuk menyempurnakan pembelian lebih awal dari tarikh yang ditentukan.]
- c. *To assign his right, title and interest without the owner's consent.*
[Untuk menyerahkan hak, hak milik dan kepentingan tanpa persetujuan pemilik.]
- d. *To appropriate payment.*
[Untuk mengubah jumlah bayaran.]

SECTION B: Answer five (5) questions only

(40 marks/markah)

(BAHAGIAN B: Jawab lima (5) soalan sahaja)

- Q1. Explain the legal concept of Written Laws.
[Terangkan konsep undang-undang berkaitan Undang-Undang Bertulis.]
- (8 m)
- Q2. Write notes on the following :
[Tulis nota-nota berikut:]
- (a) Effect of contract made without consideration
[Kesan dari kontrak tanpa balasan]
- (4 m)
- (b) Condition for acceptance
[Syarat-syarat penerimaan]
- (4 m)
- Q3. Every acceptance must be communicated. Discuss the statement in view of the rules on a valid acceptance.
[Setiap penerimaan mesti dikomunikasikan. Bincangkan kenyataan ini dengan melihat peraturan-peraturan tentang penerimaan sah.]
- (8m)
- Q4. Explain the sources of Islamic commercial transactions.
[Terangkan sumber-sumber transaksi dalam perdagangan Islam.]
- (8m)
- Q5. The Sale of Goods Act 1957 contains several implied terms. Discuss the terms.
[Akta Jualan Barangan 1957 mengandungi beberapa terma tersirat. Bincangkan terma-terma itu.]
- (8m)

- Q6. Insurance contracts are *uberrimae fidei* (of the utmost good faith). Explain the meaning of this legal principle.

[Kontrak-kontrak insuran adalah "uberrimae fidei" (kepercayaan sepenuhnya). Terangkan maksud prinsip undang-undang ini.]

(8m)

- Q7. Hire purchase agreement is only considered valid if certain formalities are followed under the Hire Purchase Act 1967. Explain the above statement and whether it affects the validity of the hire purchase agreement.

[Perjanjian sewa beli di anggap sah jika segala kehendak-kehendak formal di bawah Akta Sewa Beli 1967 diikuti. Terangkan kenyataan di atas dan samada ia memberikan kesan kesahihan perjanjian sewa beli.]

(8m)

- Q8 Describe the hierarchy of courts in Malaysia and explain the jurisdiction of the Federal Court.

[Nyatakan hirarki mahkamah-mahkamah di Malaysia dan terangkan bidangkuasa Mahkamah Persekutuan.]

(8m)

Section C : Answer all questions below:

(10 marks/markah)

[Bahagian C: Jawab semua soalan berikut:]

- Q1. Salmah is an illiterate old lady and has no family except for her nephew Kamal. As her health deteriorated, Kamal asked her to live with him but with one condition that is to transfer her house of RM800,000.00 to him for RM400,000.00. Salmah agreed to transfer her house to her nephew's name. Salmah was unhappy living with her nephew and wanted to go back to her own house.

Was there any contract between Salmah and Kamal? Give reason for your answer.

[Salmah seorang wanita tua, buta huruf dan tidak mempunyai keluarga kecuali anak saudaranya Kamal. Apabila keadaan kesihatannya semakin buruk, Kamal mengajak Salmah untuk tinggal bersamanya tetapi dengan syarat supaya Salmah memindahmilik rumahnya yang bernilai RM800,000.00 kepada Kamal dengan harga RM400,000.00. Salmah bersetuju membuat pindahmilik rumahnya kepada anak saudaranya Kamal. Salmah tidak gembira tinggal di rumah Kamal dan mahu pulang ke rumah nya

Adakah kontrak di antara Salmah dengan Kamal? Berkan sebab untuk jawapan anda.

(5m)

- Q2. On 1 December 2017, Rozali send a letter of offer to sell his shop house for RM1.6 million to Kasim, On 2 December 2017, Osman send a letter of offer to buy Rozali's shop house at RM1.5 million. On the same day, Rozali fax a letter to Osman agreeing to sell his shop house to Osman but at 1.6 million. On the 4 December 2017, Rozali send a letter to Kasim cancelling the offer. Kasim received the letter of offer from Rozali on the 5 December 2017. On the 6 December 2017, Kasim send a letter to Rozali accepting the offer to purchase the shop lot. Kasim received the letter

of cancellation of the sale from Rozali on the 8 December 2017. Meanwhile, Osman accepted the offer made by Rozali to sell the shop lot at RM1.6 million on the 11 December 2017.

Based on the law of contract, advise the parties involve of their rights.

[Pada 1 Disember 2017 Rozali melalui sepucuk surat kepada Kasim, membuat tawaran untuk menjual rumah kedainya dengan harga RM1.6 juta. Pada 2 Disember 2017, Osman menghantar sepucuk surat kepada Rozali menawarkan untuk membeli rumah kedai Rozali dengan harga RM1.5 juta. Pada hari yang sama, Rozali telah menghantar faks kepada Osman menyatakan persetujuan nya menjual rumah kedai itu tetapi dengan harga RM1.6 juta. Pada 4 Disember 2017, Rozali telah menghantar surat kepada Kasim membatalkan tawaran nya. Kasim menerima surat tawaran menjual rumah daripada Rozali pada 5 Disember 2017. Pada 6 Disember 2017, Kasim menghantar surat kepada Rozali, menerima tawaran penjualan rumah kedai Rozali. Kasim menerima surat pembatalan tawaran menjual rumah dari Rozali pada 8 Disember 2017 Sementara itu, pada 11 Disember 2017, Osman menerima tawaran yang dibuat oleh Rozali untuk menjual rumah kedai Rozali pada harga RM1.6 juta.

Berdasarkan kepada undang-undang kontrak, nasihatkan pihak-pihak yang terlibat tentang hak-hak mereka.]

(5m)

- END OF QUESTIONS/ SOALAN TAMAT -

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]